



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 6 (28)
Tarikh: 11 Januari 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

CETAKAN PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah salah satu daripada komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Bagi memudahkan pelaksanaan PBD di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan buku Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah untuk dijadikan rujukan guru. Buku ini menjelaskan bahawa pelaporan PBD dilaksanakan dua kali setahun dan laporan individu dijana dengan menggunakan perisian MS Excell.

3. Guru boleh menunjukkan perkembangan pembelajaran murid kepada pihak berkepentingan terutamanya ibu bapa dengan memaparkan pelaporan PBD di skrin komputer. Ini bermaksud pelaporan PBD **tidak perlu dicetak** sekiranya sekolah mendapati tiada keperluan untuk berbuat demikian di sekolah mereka. Buku panduan ini telah diedarkan ke semua jabatan pendidikan negeri (JPN) dan dimuat naik ke laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) mulai 9 Julai 2018.

4. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di JPN, pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah
Sektor Pengajian Tinggi
 5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
 8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat